

PROGRAM DAN AKVITIVI DAKWAH MUHAMMADIYAH MASAKINI

oleh

Prof. Madya Dr. Ab. Aziz Mohd. Zin

Abstract

The Article discusses the activities of Muhammadiyah, the main and the most advanced da'wah organisation in Indonesia. The activities of Muhammadiyah covers almost all aspects of human life. The study reveals that the da'wah of the organisation is based on the broad meaning of da'wah, i.e. to be involved in all human activities for the betterment of life.

Pendahuluan

Dakwah Islam di Indonesia adalah satu usaha dakwah yang mempunyai pengalaman yang cukup hebat, bukan semata-mata disebabkan oleh banyak pertubuhan dakwah di Indonesia sudah mencapai umur yang agak lama, tetapi pengalamannya dalam menghadapi liku-liku permasalahan yang berbagai-bagai rupa dan keadaan.

Dengan itu, kajian ke atas usaha-usaha kerja dan aktiviti yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah di Indonesia masa kini sangat perlu diadakan untuk menimba segala pengalaman yang luas bagi mendapat panduan yang diperlukan. Melalui tajuk ini penulis berusaha meneliti beberapa aspek penting, terutamanya sudut aktiviti yang dilakukan untuk mengetahui pengalaman dakwah dari pertubuhan dakwah yang terkemuka di Indonesia masa kini, iaitu Muhammadiyah.

Dalam pengumpulan data, kajian ini menggunakan metod interview dari sumber-sumber yang berkenaan. Penulis juga menggunakan metod sejarah dan dokumentari dalam pengumpulan data pada bahagian-bahagian tertentu. Data-data yang terkumul dianalisis untuk mendapatkan kesimpulan dan hasilnya.

Masyarakat Indonesia Masakini

Sebelum dibincang tentang Muhammadiyah, eloklah terlebih dahulu didedahkan keadaan masyarakat Indonesia masakini.

Indonesia dimasuki dan kemudian dijajah oleh Belanda pada tahun 1605.

Islam berkembang di Indonesia dengan baik pada abad ke-13. Namun perkembangannya di Pulau Jawa, bahagian yang penting di Indonesia masa kini agak lewat, iaitu kira-kira pengakhir abad ke-14 atau awal abad ke-15.¹

Kemasukan Islam di Indonesia sangat perlahan, sedangkan kedudukan agama Hindu-Buddha sangat kuat berakar umbi. Dengan itu, kepercayaan tradisional Hindu-Buddha masih hidup mempengaruhi bentuk kehidupan keagamaan. Maka syirik, khurafat, bid'ah, ikutan kebatinan dan sebagainya masih banyak di Indonesia.²

Pada awal abad ke-20, umat Islam di Indonesia menghadapi masalah dalaman dan luaran. Masalah-masalah dalaman ialah masalah bid'ah, khurafat, tahlul, jumud dan taksub. masih membelenggu umat Islam di Indonesia. Manakala masalah-masalah luaran ialah penjajahan yang masih belum dibuang yang mewariskan kemunduran, kemiskinan dan perpecahan kepada orang Islam dan usaha-usaha Kristianisasi.³

Walaupun Islam agama majoriti penduduk Indonesia yang berjumlah kira-kira 180 juta, namun banyak sekali orang Islam di Indonesia yang belum memahaminya. Kalau pun ada yang memahaminya, tetapi berdasarkan kefahaman orang luar, seperti kefahaman orang Barat yang sangat sempit.⁴

Kebanyakan orang Islam di Indonesia mundur dan miskin. Mereka hidup terkebelakang dari semua sudut, terutamanya sudut pendidikan, kesihatan, ekonomi dan sebagainya. Mereka satu umat yang miskin dalam pengertian yang luas.⁵

Gerakan Kristian sangat kuat di Indonesia sejak beberapa abad dahulu. Selepas kegagalan gerakan komunis di Indonesia tahun 1967, didapati minoriti Kristian dengan dokongan Barat dan intelektual berusaha sedaya upaya mengukuhkan kuasa mereka di Indonesia. Sebab, bagi Barat dan Amerika Syarikat, kedudukan Indonesia di Asia dan Pasifik sangat penting dalam konteks

¹ Nur Amin Fattah, *Metode da'wah Wali Songi*, (1994), hal. 29.

² Bapa Husein Omar, Setiausaha Agung Dewan Da'wah Indonesia, interview, di pejabatnya, pada 13 Mei 1996.

³ Drs. M. Margono Poespo Suwarno, *Gerakan Islam Muhammadiyah*, (1995), hal. 1 dan 9.

⁴ M. Natsir, *Percakapan Antara Generasi*, (Peny. A.W.P. dan N.M.), (1991), hal. 54.

⁵ *Ibid.* hal. 90.

ekonomi, peradaban, politik, pertahanan dan sebagainya. Mereka tidak rela Islam berkembang dengan baik kerana yang demikian itu menyusahkan mereka.⁶

Walaupun selepas merdeka tahun 1945, yang mendalangi pemerintahan Indonesia ialah minoriti Kristian. Ini dapat dilihat kepada kebanyakan menteri-menteri, terutamanya menteri-menteri yang penting adalah orang Kristian. Dengan itu, gerakan dakwah ketika itu banyak menghadapi tantangan dari pemerintah sendiri.⁷

Walaupun pertembungan-pertembungan di atas untuk masa sekarang telah agak reda, namun masalah-masalah baru telah timbul. Masalah tersebut ialah generasi muda dan pergeseran moral. Masalah ini serius di Indonesia, terutamanya disebabkan oleh pengaruh media massa yang sangat kuat yang memancarkan kebudayaan yang serba boleh.⁸

Orang Islam di Indonesia dipengaruhi dengan kuatnya semangat kebendaan, kepincangan sosial mereka, ditambah lagi dengan muda mudi yang bermasalah dan golongan teknokrat yang memerlukan bimbingan kerohanian.⁹

Untuk menangani permasalahan dakwah yang dihadapi oleh umat Islam di Indonesia, banyak pertubuhan dakwah melaksanakan usaha dan tanggungjawab masing-masing samada yang telah lama wujud atau yang baru.

Agensi-agensi dakwah masa kini yang terpenting dan terbesar di Indonesia ialah Muhammadiyah, Nahdlatul 'Ulama, Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia, Persatuan Islam (PIRSIS), Al-Irsyad, Al-Washliyah dan Persatuan Tarbiyah Islamiyah (PARTE).¹⁰

Aktiviti-aktiviti yang biasa yang dilakukan oleh agensi-agensi tersebut ialah, penerbitan, pendidikan, ceramah, seminar, khidmat kemasyarakatan, termasuk khidmat kesihatan, perekonomian dan latihan.¹¹

⁶ Pak Husein, *loc. cit.*

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*

⁹ Dr. H.A. Syafi'i Ma'arif, Wakil Ketua Muhammadiyah, interview, di pejabatnya, pada 14.5.96.

¹⁰ Abdi Sumaithi, tokoh dakwah di kalangan pemuda di Indonesia sekarang, interview, pada 16 Mei 1996 dan H. Mazni Mohd. Yunus, Biro Hubungan Luar Negeri, Haji dan Umrah DD11, interview, di pejabatnya, pada 9.5.96.

¹¹ Abdi Sumaithi, *loc. cit.*

Muhammadiyah

Kelahiran: Masyarakat Islam di Indonesia pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 menghadapi berbagai-bagai masalah yang melumpuhkannya. Masalah-masalah dalamnya ialah kuatnya bid'ah, khurafat, syirik, tasyul, kemiskinan, kebodohan, kekolotan dan perpecahan. Di samping itu, sistem pendidikan Islam yang sedia ada tidak mampu membawa perubahan kerana kurang mencerminkan perkembangan dan kemajuan.¹²

Serentak dengan itu juga, berlakunya tekanan yang kuat dari penjajahan Belanda, kegiatan Kristian yang sangat kuat dan berpengaruh di Indonesia dan sikap merendahkan Islam dari kalangan terpelajar yang kononnya Islam ketinggalan zaman. Untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut, maka lahirlah Muhammadiyah.¹³

Muhammadiyah dilahirkan di Yogyakarta pada 18 November 1912 (8 Zulhijjah 1330) di bawah pimpinan K.H. Ahmad Dahlan (1868 - 1923).¹⁴

Matlamat: Pada peringkat permulaannya, Muhammadiyah dilahirkan untuk dakwah dan pendidikan mengikut dorongan surah Ali Imran 104.¹⁵ Dakwahnya dalam bentuk amar ma'ruf dan nahi munkar, berdasarkan pembaharuan Islam, sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Taimiyah (1263 - 1338) dan Ibn Qayyim (1292 - 1350) di Damsyik, Jamaluddin al-Afghan (1838 - 1897) di Afghanistan, Muhammad bin Abdul Wahab (1703 - 1787) di Hijaz, Muhammad Abduh (1849 - 1905), Muhammad Rashid Reda (1856 - 1935) di Mesir dan Syed Muhammad Khan di India.¹⁶

Maka, kelahiran Muhammadiyah bertujuan menyiaran Islam kepada sasarannya dan memajukan umat Islam.¹⁷ Matlamat tersebut dikembangkan dari masa kesmasa sehingga kini terbina suatu matlamat yang *syumul*.

Aktiviti

Aktiviti Muhammadiyah digerakkan oleh tenaga-tenaga dalam bahagian berikut:

¹² Suwarno, *op. cit.*, hal. 27.

¹³ *Ibid.* hal. 28.

¹⁴ Prof. Dr. H. Harun Nasution, *Ensiklopedi Islam Indonesia*, (Jakarta, 1992), hal. 675.

¹⁵ A. Jainuri, *Muhammadiyah*, (Surabaya, 1990), hal. 35.

¹⁶ Suwarno, *op. cit.*, hal. 1.

¹⁷ Nasution, *op. cit.*, hal. 676.

1. Majlis. Bahagian-bahagian yang dinamakan majlis ialah:

- 1.1. Majlis tarjih.¹⁸ Majlis ini melakukan tugasnya menggali isu-isu mengenai Islam dan menyelesaikan permasalahannya.¹⁹
- 1.2. Majlis Tabligh. Pada dasarnya, aktiviti majlis ini mencakupi untuk ahli Muhammadiyah, orang Islam secara umum dan orang bukan Islam. Aktiviti ini dilakukan samada dalam bentuk tabligh biasa, latihan dan sebagainya.²⁰

Majlis ini melancarkan kegiatan tabligh atau dakwah pada semua peringkat, termasuk dalam hal-hal memberi petunjuk, mengarah dan membina orang Islam dalam mengisi hari besar Islam dan nasional di Indonesia.²¹

- 1.3. Majlis perpustakaan. Majlis ini melakukan aktiviti pengurusan perpustakaan yang didirikan oleh Muhammadiyah, seperti diperingkat pusat, provensi, daerah dan perkampungan. Majlis ini bukan sahaja setakat mewujudkan perpustakaan-perpustakaan di tempat-tempat yang sesuai dan perlu di seluruh kawasan, tetapi juga menyediakan bahan-bahan perpustakaan, termasuk bahan-bahan yang berbentuk dokumentari.²²
- 1.4. Majlis pendidikan tinggi. Majlis ini berusaha mewujud dan mengurus pendidikan tinggi di seluruh Indonesia. Muhammadiyah mempunyai ratusan pusat pengajian tinggi yang bertaburan di seluruh Indonesia.²³
- 1.5. Majlis pendidikan dasar dan menengah. Majlis ini mewujud dan mengurus berbagai-bagai hal yang berhubung dengan persekolahan rendah dan menengah.²⁴ Jumlah sekolah rendah dan menengah Muhammadiyah dalam semua jurusan adalah sebanyak 4,780 buah.²⁵

¹⁸ Sila lihat: *Laporan Pimpinan Pusat Muhammadiyah 1990 - 1995*, hal. 72 - 77.

¹⁹ Suworno, *op. cit.*, hal. 56 - 57.

²⁰ Laporan, *op. cit.*, hal. 80 - 81.

²¹ Suworno, *op. cit.*, hal. 58.

²² Laporan, *op. cit.*, hal. 85.

²³ *Ibid.*, hal 231.

²⁴ *Ibid.*, hal. 96 - 97.

²⁵ *Ibid.*, hal. 232.

- 1.6. Majlis pembina kesihatan. Majlis ini melaksanakan aktiviti yang berhubung dengan kesihatan masyarakat, terutamanya mewujud dan mengurus pusat-pusat kesihatan di seluruh Indonesia. Muhammadiyah memiliki tempat-tempat kesihatan dari yang berbentuk hospital hingga pondok bersalin dan farmasi sebanyak 200 buah kesemuanya.²⁶
 - 1.7. Majlis pembina kesejahteraan. Pada dasarnya, majlis ini mengadakan aktiviti-aktiviti dalam rangka menangani permasalahan golongan lemah, seperti anak yatim, orang tua dan sebagainya. Antara usaha yang dilakukan oleh majlis ini ialah menanam kesedaran tolong menolong dan memupuk persaudaraan di kalangan masyarakat supaya kesejahteraan sosial umat Islam dapat dihayati.²⁷
 - 1.8. Majlis ekonomi. Majlis ini bermaksud menggerakkan masyarakat menghayati perekonomian Islam untuk mengangkat kaum-kaum yang masih lemah sama-sama berusaha mempertingkatkan martabat mereka dalam kehidupan perekonomian.²⁸ Berbagai-bagai projek diusahakan oleh majlis ini, seperti projek latihan petani, projek usaha pertanian, projek perbankan dan pengkreditan, projek koperasi dan bermacam-macam projek yang lain.²⁹
 - 1.9. Majlis wakaf dan kehartabendaan. Aktiviti majlis ini ialah dalam rangka memelihara dan mengembangkan hartabenda yang dimiliki oleh Muhammadiyah hasil dari wakaf, pemberian, infaq dan sebagainya dari masyarakat ramai. Ia juga melakukan aktiviti-aktiviti memberi kesedaran kepada masyarakat Islam supaya berbuat demikian.³⁰
2. Badan. Bahagian-bahagian yang dinamakan badan ialah:
 - 2.1. Badan pendidikan kader. Badan ini telah melakukan berbagai-bagai usaha untuk pembinaan angkatan muda Muhammadiyah supaya

²⁶ *Ibid.*, hal. 101.

²⁷ Suwarno, *op. cit.*, hal. 61 - 62.

²⁸ *Ibid.*, hal. 66 - 67.

²⁹ *Laporan*, *op. cit.*, hal. 110 - 113.

³⁰ Suwarno, *op. cit.*, hal. 65 - 66.

terbentuk kader Muhammadiyah, kader umat dan kader bangsa.³¹ Kebanyakan aktiviti dilakukan dalam bentuk kajian dan latihan.³²

2.2. Badan hubungan dan kerjasama luar negeri.

Badan ini mengadakan ikatan kerjasama dan hubungan dengan pihak-pihak luar terutamanya dengan pertubuhan-pertubuhan yang membawa matlamat yang sama. Akhir-akhir ini beberapa aktiviti kerjasama dilakukan dengan pihak RISEAP (Rigional Islamic Da'wah Council of South East Asia and Pasific) dan kedutaan asing di Indonesia.³³

2.3. Badan pengurus Yayasan Baitulmal

Tanggungjawab badan ini ialah berusaha mengembangkan harta, seperti mencari dana dan sebagainya.³⁴

3. Lembaga. Bahagian-bahagian yang dinamakan lembaga ialah:

3.1. Lembaga dakwah khusus.

Lembaga ini berusaha untuk mempertingkatkan dakwah, khususnya kepada daerah-daerah tertentu seperti kepada orang asli di Indonesia. Berbagai-bagai cara dilakukan oleh lembaga ini, seperti penyebaran bahan-bahan bercetak, penerangan, latihan-latihan, khidmat masyarakat dan sebagainya.³⁵

3.2. Lembaga keadilan hukum. Pada dasarnya, lembaga keadilan bertanggungjawab memberi penjelasan tentang keadilan Islam dan memberi pembelaan kepada mana-mana pihak yang menghadapi masalah hukum. Setakat ini, tidak banyak aktiviti yang dilakukan oleh lembaga ini, selain daripada menerima kes dan menyelesaikan dari pihak dalaman Muhammadiyah.³⁶

3.3. Lembaga pengkajian dan pengembangan.

Lembaga ini mengadakan aktiviti-aktiviti seperti kelas-kelas pengajian, seminar, kajian dan diskusi.³⁷

³¹ *Laporan*, op. cit., hal. 119.

³² *Ibid.*, hal. 119 - 122.

³³ *Ibid.*, hal. 136.

³⁴ *Ibid.*, hal. 140 - 142.

³⁵ *Ibid.*, hal. 125 - 127.

³⁶ *Ibid.*, hal. 129.

³⁷ *Ibid.*, hal. 130.

3.4. Lembaga pengembangan masyarakat dan sumber daya manusia. Bahagian ini berusaha untuk mempertingkatkan sumber daya manusia, terutamanya kepada anggota Muhammadiyah.³⁸

3.5. Lembaga hikmah dan studi kemasyarakatan.

Lembaga ini melakukan kajian dan menangani permasalahan politik dan kemasyarakatan dan penyelesaian kepada ahlinya supaya mereka mendapat panduan dalam isu-isu tersebut.³⁹

3.6. Lembaga ilmu pengetahuan dan teknologi.

Lembaga ini bertanggungjawab mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan penggunaan teknologi dalam kehidupan umat Islam. Ia juga bertanggungjawab mengalakkan orang Islam merebut peluang penggunaan teknik baru untuk mempertingkatkan kehidupan mereka.

3.7. Lembaga kebudayaan. Lembaga ini melakukan usaha kajian budaya dan pengembangannya, termasuk kesenian.

3.8. Lembaga pembinaan dan pengawasan kewangan.

Lembaga ini bertanggungjawab sebagai kontrolar kepada semua kemudahan dan milik Muhammadiyah, terutamanya wang. Dengan itu, lembaga ini memeriksa dan mengawasi terhadap penggunaannya.

4. Organisasi Otonom

Organisasi otonom adalah satu bahagian yang mempunyai sayap-sayapnya yang tersendiri, namun ia berpusat kepada dakwah. Bahagian-bahagian yang dimasukkan di bawahnya ialah:

4.1. ‘Aisyiyah, iaitu gerakan untuk kaum wanita.

4.2. Nasyiatul ‘Aisyiyah, iaitu gerakan untuk pemudi.

4.3. Pemuda, iaitu gerakan untuk pemuda.

4.4. Ikatan remaja, iaitu gerakan untuk remaja.

4.5. Tapak suci putra, iaitu bahagian yang melatih pemuda dan remaja dalam seni mempertahankan diri dan seni olahraga.

4.6. Ikatan mahasiswa Muhammadiyah, iaitu bahagian yang bertanggungjawab untuk menangani permasalahan mahasiswa. Aktiviti

³⁸ *Ibid.*, hal. 132 - 135.

³⁹ Suwarno, *op. cit.*, hal. 57 - 58.

Program Dan Aktiviti Dakwah Muhammadiyah Masakini

bahagian-bahagian tersebut berpusat kepada dakwah, penulisan, penerbitan, perkaderan, seminar, kajian-kajian dan sebagainya.

5. Amal Usaha

Bahagian amal usaha ditempatkan terus di bawah ketua Muhammadiyah. Aktiviti penting dalam bahagian ini ialah penerbitan.

Bahagian ini menerbitkan:

1. Buku
2. Majalah
3. Bulletin

Bahagian ini juga mengadakan toko buku dan percetakan.

Pendedahan di atas menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti dakwah Muhammadiyah menjangkau kebahagian yang sangat luas dalam kehidupan masyarakat, yang menjadikan ia sebuah gerakan dakwah yang istimewa.

Pendekatan Baru:

Muhammadiyah adalah satu pertubuhan pembaharuan dalam dakwah untuk mengubah pemikiran dan penghayatan umat Islam supaya tidak dikongkong oleh keta'suban, khurafat, bid'ah, syirik, kelemahan pemikiran dan kelemahan fizikal. Dengan itu, gerakan Muhammadiyah berhadapan dan bertembung dengan pemikiran tradisional dalam Islam, termasuk isu-isu khilafiyah. Pertembungan tersebut banyak membawa masalah kepada masyarakat Islam, termasuk perpecahan di kalangan mereka.

Menyedari keadaan tersebut, pendekatan baru Muhammadiyah dalam membawa risalahnya, isu-isu yang dibincangkan dan disampaikan kepada masyarakat bukan lagi isu-isu khilafiyah. Apa yang dibawakan sekarang adalah mencakupi isu-isu keadilan, isu-isu masyarakat lemah dan isu-isu mengangkat martabat umat. Di samping itu, isu-isu tersebut dibicarakan dengan sangat hikmat, supaya ia ditanggapi secara jelas dan baik.⁴⁰

Muhammadiyah juga tidak lagi mengambil bahagian dalam politik, atas nama pertubuhan seperti dahulu, walaupun membenarkan ahli-ahlinya menangani permasalahan politik secara individu. Pendekatan Muhammadiyah sekarang, politik untuk kepentingan dakwah. Dahulu Muhammadiyah mencampuri politik melalui pertubuhan. Tetapi ternyata merugikan, kerana membawa perpecahan.⁴¹

⁴⁰ Dr. H.A.Syafi'i Ma'arif, *loc. cit.*

⁴¹ *Ibid.*

Semua aktiviti Muhammadiyah, samada dalam bidang tabligh, pendidikan, sosial, ekonomi, politik dan sebagainya adalah atas kehendak dan bermaksud dakwah. Dengan itu, Muhammadiyah adalah dakwah yang *syumul* dan menyeluruh.⁴²

Masalah

Di sebalik kejayaan yang telah ditempa, Muhammadiyah juga berhadapan dengan banyak masalah dalaman. Masalah-masalah penting ialah:

1. Pengurusan organisasi kurang baik, terutamanya dari sudut struktur dan mekanism kerja organisasi. Sekretariat yang kurang kuat, samada dari sudut kemudahan dan personal, ketinggalan memanfaatkan teknologi baru dalam pengurusan yang menyebabkan kekurangan data, komunikasi yang lambat, pelaksanaan keputusan yang lambat dan lain-lain.⁴³
2. Kekurangan sumber daya manusia, yang mereka terdiri daripada kader-kader yang bolih memberi sumbangan yang efektif kepada Muhammadiyah.⁴⁴
3. Kepudaran wawasan perjuangan. Kepudaran ini menyebabkan perjuangan lebih kelihatan menuju ke arah keorganisasian daripada menuju kepada kelslaman. Dengan itu, muncullah persaingan yang kurang sihat dalam perbuatan kepimpinan organisasi. Begitu juga masalah ukhuwah yang belum terjalin secara mencukupi di kalangan anggota Muhammadiyah.⁴⁵
4. Kekurangan dana, kerana ia banyak bergantung kepada sumbangan, infaq, sedekah dan sebagainya dari orang ramai yang kurang teratur sifatnya.⁴⁶ Kekurangan ini menyebabkan Muhammadiyah tidak dapat mempertingkatkan mutu pengajian dengan lebih baik.⁴⁷

Kesimpulan

Muhammadiyah melakanakan tanggungjawab dakwahnya mengikut pendekatan yang difikirkan sesuai. Ia merupakan pertubuhan dakwah yang termasyhur di Indonesia pada masa ini. Ia telah berusaha mengatur aktiviti yang mencakupi dalam bidang yang sangat laus, terutamanya bidang pendidikan dan

⁴² Dr. M. Din Syamsuddin, (editor), *Muhammadiyah Kini & Esok*, (1990), hal. VII - VIII.

⁴³ Laporan, *op. cit.*, hal. 35.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ *Ibid.*, hal. 36.

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ H.A.Syafi'i, *loc. cit.*

penerbitan. Namun, masih banyak kelemahan yang dihadapi oleh pertubuhan ini yang memerlukan penyelesaian segera, supaya ia dapat melaksanakan misinya dengan lebih baik dan berkesan.

Rumusan Dapatan Kajian

Kajian ini menghasilkan beberapa dapatan dan rumusannya adalah sebagai berikutnya:

1. Masyarakat Islam Indonesia sebuah masyarakat yang lemah. Bermacam-macam penyakit, samada yang berhubungan dengan akidah, akhlak, sosial, ekonomi dan sebagainya, menghinggapi masyarakat Islam Indonesia. Penyakit-penyakit tersebut menghinggapi masyarakat Indonesia sejak berabad-abad dahulu. Belum pun terhapus penyakit lama, masyarakat Islam Indonesia dibebani dengan penyakit baru yang menimpa terutamanya generasi muda. Penyakit tersebut ialah yang berhubung dengan masalah moral dan pegangan hidup. Segala ini menambahkan lagi beban dakwah Indonesia.
2. Disebabkan sering menghadapi masalah dan dengan kesedaran dakwah yang begitu tinggi gerakan dakwah di Indonesia lebih matang dari gerakan pertubuhan-pertubuhan dakwah kebanyakan tempat lain, contohnya dakwah Muhammadiyah.
3. Dakwah Muhammadiyah telah sampai kesuatu tahap yang maju, kerana aktiviti-aktiviti dakwah yang menyeluruh dalam aspek kehidupan manusia.
4. Dakwah Muhammadiyah bukan semata-mata tabligh, tetapi penyelesaian masalah uamt dalam banyak lapangan hidup.
5. Bidang pendidikan, samada di peringka rendah atau di peringkat tinggi diberikan penumpuan khusus oleh Muhammadiyah.
6. Dakwah yang baik ialah usaha yang berjalan serentak dalam pembinaan kemantapan akidah, tarbiyah, perekonomian, sosial dan lapangan-lapangan hidup yang lain.
7. Antara strategi dakwah Muhammadiyah masa kini ialah cuba berbaik-baik dengan semua pihak, termasuk pihak pemerintah, strategi tersebut boleh menghilangkan tekanan dan konfrantasi.
8. Antara *uslub* dakwah Muhammadiyah masa kini ialah tidak masuk campur dalam politik atas nama pertubuhan, walaupun masih menangani isu-isu politik dan memberi kebebasan kepada ahli bergerak dalam politik. *Uslub* tersebut boleh menghilangkan perpecahan di kalangan ahli.

